



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 6, Issue 6, June 2021

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocsciences.com

Kelancaran Peralihan Kuasa Politik di Malaysia pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14)

Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki ¹

¹UOW Malaysia KDU Penang University College, Malaysia

Correspondence: Mohd Zamirul Bin Mohd Dzaki (mohd.zamirul@kdupg.edu.my)

Abstrak

Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang berlangsung pada 9 Mei 2018 merupakan satu detik peting dalam sejarah politik Malaysia. Barisan Nasional (BN) yang dahulunya dikenali sebagai Parti Perikatan merupakan parti tunggal yang memenangi pilihan raya umum semenjak tahun 1955 telah kalah buat pertama kalinya kepada Pakatan Harapan (PH) dalam PRU-14 pada 9 Mei 2018. Penulisan ini ingin melihat berkenaan situasi peralihan kuasa politik yang berlaku dengan aman tanpa sebarang kekacauan. Dalam kebanyakan negara dunia ketiga, sering berlaku keganasan dan rusuhan setiap kali berlakunya peralihan kuasa. Namun situasi ini tidak berlaku di Malaysia. Dalam situasi pilihan raya umum di Malaysia yang telah dijalankan sebanyak empat belas kali, hanya satu sahaja keputusan pilihan raya umum yang mengundang konflik iaitu pada tahun 1969 (Muhamad Nadzri & Nidzam, 2018). Namun, pada PRU-14 kuasa BN bukan hanya tergugat tetapi mereka hilang kedudukan sebagai kerajaan. Walaupun begitu tindak balas masyarakat dan penyokong parti-parti politik agak berlainan berbanding tahun 1969 dahulu. Penulisan ini menggunakan sumber-sumber sekunder bagi melihat tentang kunci peralihan kuasa yang berlaku secara aman di Malaysia pada 9 Mei 2018.

Kata kunci: pilihan raya, peralihan, kuasa, aman

Smooth Transition of Political Power in Malaysia on the 14th General Election (GE14)

Abstract

The 14th General Election (GE-14) that took place on May 9, 2018 is an important moment in Malaysia political history. Barisan Nasional (BN) formerly known as Alliance Party became the sole political party had won in general election since year 1955 lost their political power for the first time to the Pakatan Harapan (PH) in GE-14 on May 9, 2018. This article wants to explore about the transition of the political power in Malaysia that was happened without any chaos. Most of the third world countries, the violent and chaos oftenly happen when they have a power transition. However, this situation is not happening in Malaysia. In all 14 general elections which was conducted in Malaysia, only one was triggered a conflict it is in year 1969 (Muhamad Nadzri & Nidzam, 2018). However, in GE-14 the BN not only defend their power but they were lost the position as a government. Even though the reaction from the people and the political party supporter is different compare with in year 1969. This article was used secondary sources to find the key factors the power transition in Malaysia has happened in very peace situation on May 9, 2018.

Keywords: election, transition, power, smooth

Pengenalan

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 yang diumumkan pada awal pagi 10 Mei 2018 menyaksikan telah berlakunya peralihan kuasa buat julung-julung kalinya dari BN kepada gabungan parti pembangkang yang dikenali sebagai PH. Apa yang menerujakan peralihan kuasa politik yang pertama kali berlaku di Malaysia pada waktu itu berjaya dilakukan dengan teratur dan aman. Seolah-olah perkara tersebut sudah menjadi amalan kebiasaan di Malaysia. Mengikut Muhamad dan Nidzam (2018), daripada empat belas kali, siri pilihan raya umum (PRU) di Malaysia hanya satu kali sahaja keputusan PRU yang mengundang konflik iaitu pada tahun 1969. Namun dalam PRU 1969 walaupun Parti Perikatan yang sekarang ini BN kalah dengan banyak kerusi parlimen tetapi mereka masih mampu membentuk kerajaan persekutuan dengan majoriti mudah. Berbanding dengan apa yang berlaku dalam PRU-14 menyaksikan BN hilang sama sekali kuasa politik yang mereka pegang dari semenjak PRU-1 tahun 1955.

Apa yang lebih menarik Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan agama. Kedua – dua perkara ini sering dimainkan oleh ahli – ahli politik bagi mendapatkan sokongan, ini kerana isu kaum dan agama adalah senjata paling ampuh dalam negara yang berbilang kaum seperti Malaysia. United Malays National Organisation (UMNO) yang merupakan parti komponen terbesar dalam BN dan juga parti terbesar mewakili kaum Melayu di Malaysia tewas dengan tanpa adanya tindak balas atau protes dari kaum Melayu. Parti Islam SeMalaysia (PAS) yang merupakan parti Islam terbesar di Malaysia, walaupun tidak berada dalam BN tetapi mereka yang bertanding sebagai kuasa ketiga dalam PRU-14 juga gagal menempatkan diri mereka dalam kerajaan. Namun tidak berlaku tunjuk perasaan atau bantahan daripada golongan yang kuat berpegang kepada aliran Melayu dan Islam ini terhadap keputusan PRU-14 tersebut. Tiada rusuhan yang dilakukan, tiada tempat yang dibakar dan tiada pengisytiharan darurat.

Lebih unik lagi parti yang menang pada PRU-14 tersebut adalah parti dilihat tidak dominan kepada Melayu dan Islam. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) yang dilihat mewakili kaum Melayu hanya memenangi 12 kerusi dan Parti Amanah Negara (Amanah) yang menang 10 kerusi. Selebihnya jumlah yang besar dimenangi oleh Parti Kadilan Rakyat (PKR) yang lebih bersifat multirasial dan Democratic Action Party (DAP) yang boleh dikatakan didominasi kaum Cina dan pernah dilebal sebagai rasis oleh kaum Melayu. Namun situasi ini seperti tidak menjadi sesuatu yang sensitif khususnya pada kaum Melayu. Malah ramai yang mengambil kesempatan untuk keluar bercuti tanpa rasa gusar untuk meraikan cuti umum yang diberikan oleh pihak kerajaan baharu pada dinihari keputusan PRU diketahui pada 10 Mei 2018 (Muhamad Nadzri & Nidzam Sulaiman, 2018).

Jika diimbaz kepada tahun-tahun sebelum berlakunya PRU-14 ramai pemerhati politik dan ahli-ahli politik meramalkan dan melahirkan kebimbangan yang mana akan berlaku kekacauan dan huru-hara sekiranya BN yang telah lama menerajui pemerintahan di samping imej parti Melayu yang dipegang kalah dalam pilihan raya. Janet (2018) pernah mendakwa yang beliau menjangkakan pertukaran kuasa di Malaysia akan disusuli dengan keganasan dan campur tangan tentera. Namun apa yang diramalkan dan dirisaukan itu sama sekali tidak berlaku. Jika diperhatikan kepada jumlah kemenangan pula, PH hanya memenangi PRU-14 dengan majoriti mudah iaitu sebanyak 113 kerusi dan ditambah dengan sokongan dari Warisan sebanyak 8 kerusi menjadi jumlah keseluruhan 121 kerusi. UMNO walaupun gagal membentuk kerajaan tetapi mereka berjaya mendapat jumlah kerusi yang banyak dari segi wakil kaum Melayu. Begitu juga dengan PAS yang berjaya mendapat 18 kerusi parlimen. Menurut Muhamad Takiyuddin dan Muhamad Nadzri (2018) prestasi PAS boleh dianggap sebagai terbaik kerana ia bertanding secara sendirian dan memenangi 90 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) secara keseluruhannya. Ini bermaksud sokongan kaum Melayu kepada parti yang berteraskan Melayu Islam masih ada sokongan yang kuat.

Jika dibandingkan dengan negara-negara luar yang hampir setaraf dengan Malaysia, pergolakan dan rusuhan pasti berlaku sekiranya berlaku peralihan kuasa dalam tampuk pemerintahan. Berbeza dengan

negara-negara serantau seperti Korea Selatan, Filipina dan Indonesia yang melalui pertukaran rejim dalam kaedah kekerasan dan melibatkan pertumpahan darah, rakyat Malaysia menggunakan sepenuhnya saluran peti undi dalam usaha mengeluarkan sebuah rejim yang dianggap ramai sebagai rejim kleptokrasi (Muhamad Takiyuddin & Muhamad Nadzri, 2018). Indonesia misalnya, perubahan kuasa dari era Sukarno ke Suharto tercetusnya peristiwa Gerakan September 30 (GESTAPU) pada 1 Oktober 1965 yang mengorbankan banyak nyawa (Abd Razak, M.R., 2001). Seterusnya dari era Suharto ke era reformasi yang juga memakan korban yang begitu ramai. Malahan keputusan pilihan raya Presiden Indonesia tahun 2019 juga disusuli dengan tunjuk perasaan oleh penyokong calon presiden yang menentang Jokowi. Begitu juga di Thailand yang mana peralihan kuasa dengan aman agak sukar berlaku sehinggakan memaksa campur tangan pihak tentera. Boleh dikatakan hampir semua negara-negara dunia ke-3 pasti berlaku kekacauan dan rusuhan sekiranya berlaku peralihan kuasa politik. Namun ianya tidak berlaku pada Malaysia. Jika dibandingkan Malaysia dengan beberapa negara dunia ke-3 lain, boleh dikatakan situasi di Malaysia lebih berisiko untuk berlakunya kekacauan kerana kepelbagaian kaum dan agama yang mana seperti yang dikatakan tadi ia perkara yang sensitif dan mudah untuk mencetuskan pergaduhan. Sebaliknya negara-negara yang didominasi dengan satu kaum dan satu budaya lebih cenderung berlaku kekacauan dalam peralihan kuasa.

Gabungan tidak rasmi Pakatan Harapan pra PRU-14

PH adalah gabungan parti-parti politik yang tidak berdaftar sebelum PRU-14. Ia terdiri daripada PKR, DAP, AMANAH dan BERSATU. Selain itu PH juga disokong oleh Parti Warisan Sabah (WARISAN) di Sabah. Parti – parti dalam PH ini telah berjaya melakukan pembahagian kerusi dalam PRU-14 yang mana mampu mengelakkan mereka daripada bertembung antara satu sama lain. Lebih menarik lagi semua parti – parti komponen dalam PH bersetuju menggunakan satu logo iaitu logo PKR dalam semua kerusi yang mereka tandangi. Ketua Penerangan Pemuda PKR (AMK) Sabah, Razeef Rakimin menyatakan faktor PH menggunakan satu logo iaitu logo PKR antara penyumbang kemenangan PH di Semenanjung (Malaysiakini, 15 Julai 2020). Di satu pihak lagi, BN dan PAS tidak melakukan rundingan pembahagian sesama mereka yang mana menyaksikan hampir kesemua kerusi khususnya yang bermajoriti Melayu berlaku pertembungan tiga penjurua antara calon PH, BN dan PAS. Isu – isu semasa yang panas ketika itu seperti rasuah dalam *1Malaysia Development Berhad* (1MDB), GST dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pemimpin UMNO dilihat telah menjadi liabiliti kepada BN dalam PRU-14 (Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018).

Bagi pihak PH pula, sokongan beberapa bekas pemimpin UMNO dan strategi mereka mahu mengangkat Tun Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri Malaysia selepas PRU-14 telah berjaya menambahkan sokongan kaum Melayu kepada pihak PH yang mana ianya begitu sukar untuk mereka peroleh sebelum ini (Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018). Di satu sudut lagi janji PH untuk membebaskan Anwar Ibrahim daripada penjara sekiranya mereka berjaya membentuk kerajaan persekutuan dan akan mengangkat Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-8 selepas Tun Dr Mahathir membuatkan sokongan dari pihak PKR dan DAP begitu jitu (Mohd Sohaimi Esa et al., 2020). Sepanjang tempoh berkempen boleh disaksikan dengan jelas populariti PH jauh meninggalkan BN. Ini boleh disaksikan melalui jumlah penyokong yang hadir di setiap kali ceramah pemimpin PH diadakan dan jumlah tontonan secara maya di media sosial seperti di *Facebook live*. Walau bagaimanapun terdapat juga para pemerhati dan penganalisis yang masih ragu-ragu untuk meramalkan yang PH akan berjaya membentuk kerajaan di peringkat persekutuan selepas PRU-14 (Muhamad Takiyuddin & Muhamad Nadzri, 2018). Majalah berpengaruh antarabangsa, *The Economist* meramalkan BN akan dikembalikan sebagai pemerintah. Merdeka Centre, badan pungutan suara yang paling berautoritatif turut menjangkakan hipotesis yang sama.

Keputusan PRU-14

Buat julung-julung kalinya dalam sejarah politik Malaysia akhirnya parti politik yang menjadi pemerintah semenjak Malaysia mencapai kemerdekaan iaitu BN atau dahulunya dikenali sebagai Parti Perikatan tewas dan terpaksa menjadi pembangkang dalam pemerintahan Malaysia selepas PRU-14.

Dalam PRU-14 yang berlangsung pada 9 Mei 2018 itu menyaksikan gabungan parti politik dalam PH berjaya menang sebanyak 121 kerusi. Daripada jumlah ini PKR mendapat 49 kerusi, DAP 42 kerusi, AMANAH 10 kerusi dan BERSATU 12 kerusi. Selain itu WARISAN di Sabah yang berjaya mendapat 8 telah menyokong PH yang membuatkan PH secara total mendapat 121 dan sekaligus PH berjaya membentuk kerajaan diperingkatkan persekutuan dengan majoriti mudah.

Dipihak BN pula, mereka hanya berjaya memenangi sebanyak 79 kerusi yang mana pecahannya UMNO 54 kerusi, MCA 1 kerusi, MIC 2 kerusi dan selebihnya dari Sabah dan Sarawak. Dipihak PAS pula, mereka hanya berjaya menang sebanyak 18. Daripada jumlah keseluruhan 121 yang dimenangi oleh PH ini, 61 adalah wakil rakyat yang Melayu dan beragama Islam dan 60 bukan Melayu dan Islam. Di pihak UMNO dan PAS pula jumlah wakil rakyat Melayu Islam bagi kedua – dua parti ini yang menjadi pembangkang ada seramai 93 orang (Muhamad Nadzri & Jamaie, 2018). Ini menunjukkan suara masyarakat Melayu Islam di parlimen adalah diwakili oleh pihak pembangkang dan bukan lagi dari pihak kerajaan yang memerintah. Sokongan undi kaum bukan Melayu kepada PH dalam PRU-14 dilihat konsisten semenjak dari PRU-12 dan PRU-13. Kajian dari Merdeka Center pada pertengahan Jun 2018 melaporkan bahawa hanya lingkungan 25 ke 30 peratus sahaja golongan Melayu yang mengundi PH, dan selebihnya kepada parti bukan PH (Free Malaysia Today, 14 Jun 2018). Sebaliknya 95% pengundi Cina dan 70 ke 75 peratus India mengundi PH. Kebanyakan orang Melayu menyokong UMNO dan PAS iaitu sebanyak 35 ke 45 peratus dan 30 ke 33 peratus (Muhamad Nadzri & Nidzam, 2018).

Rumusan ringkas yang boleh dibuat pada peringkat ini ialah sokong kaum Melayu Islam dalam PRU-14 masih kuat tertumpu kepada parti politik yang berideologikan Melayu dan Islam iaitu UMNO dan PAS. Hanya sebanyak 25 ke 30 peratus sahaja kaum Melayu PH. Manakala 35 – 40 peratus pengundi Melayu memilih BN dan 30 – 33 peratus menyokong PAS (Free Malaysia Today, 14 Jun 2018). Ini menunjukkan hampir 70 % pengundi Melayu memilih parti yang berteraskan Melayu Islam dan menolak PH yang dilihat didominasi oleh bukan Melayu dan bukan Islam. Jika dilihat dari segi undi popular pula, kajian yang dijalankan oleh Muhamad Takiyuddin dan Muhamad Nadzri (2018) mengatakan BN mendapat sebanyak 33.9% manakala PAS pula mendapat 16.6% undi popular. Jika ditambah kedua – dua jumlah undi popular dari BN dan PAS ini menunjukkan parti pembangkang baru selepas PRU-14 mempunyai 50.5% undi popular. Ini bermaksud parti BN yang terajui UMNO dan PAS yang mana kedua – duanya didominasi Melayu dan Islam masih mempunyai sokongan yang kuat dalam PRU-14. Cuma jumlah sokongan itu tidak dapat diterjemahkan dalam sistem pilihan raya yang diamalkan di Malaysia.

Sekiranya kumpulan penyokong UMNO dan PAS yang majoritinya golongan Melayu dan Islam ini mahu memprotes dan menunjukkan rasa tidak puas hati mereka akibat kehilangan dominasi politik Melayu dalam PRU-14, sudah pasti ianya dapat dilakukan dengan mudah jika dilihat dari segi jumlah yang mereka miliki. Ditambah lagi dengan wujudnya beberapa pertubuhan Melayu seperti Pertubuhan Pribumi Perkasa (PERKASA), Persatuan Kebajikan Islam dan Dakwah Islamiah Malaysia (PEKIDA), kumpulan Baju Merah dan beberapa lagi pertubuhan Melayu yang dilihat agak agresif mempertahankan hak Melayu pada sebelum PRU-14, sudah pastilah gerakan untuk memprotes keputusan PRU-14 dapat digerakkan dengan mudah. Namun sehinggalah selesai urusan pembentukan kerajaan baru tidak ada sebarang tunjuk perasaan atau protes secara kekerasan yang dilakukan oleh penyokong UMNO dan PAS ini. Bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan ini, pengkaji meneliti kajian-kajian yang dilakukan pengkaji terdahulu terhadap keputusan PRU-14 berdasarkan situasi sebelum PRU-14 dan selepas PRU-14 yang dilihat mempengaruhi sikap pengundi Melayu dan Islam yang mana membuatkan mereka bersifat pasif dan terbuka menerima keputusan PRU-14 dengan tanpa sebarang tindak balas kekerasan.

Jadual 1: Statistik Keseluruhan Kerusi Parlimen Bagi PRU-14

NEGERI	PKR	BN	PAS	DAP	WARISAN	BEBAS	SOLIDARITI	JUMLAH
Perlis	1	2	0	0	0	0	0	3
Kedah	10	2	3	0	0	0	0	15
Kelantan	0	5	9	0	0	0	0	14

Terengganu	0	2	6	0	0	0	0	8
Pulau Pinang	11	2	0	0	0	0	0	13
Perak	13	11	0	0	0	0	0	24
Pahang	5	9	0	0	0	0	0	14
Selangor	20	2	0	0	0	0	0	22
W.P Kuala Lumpur	10	0	0	0	0	1	0	11
W.P Putrajaya	0	1	0	0	0	0	0	1
Negeri Sembilan	5	3	0	0	0	0	0	8
Melaka	4	2	0	0	0	0	0	6
Johor	18	8	0	0	0	0	0	26
W.P Labuan	0	1	0	0	0	0	0	1
Sabah	3	10	0	3	8	0	1	25
Sarawak	4	19	0	6	0	2	0	31
Jumlah	104	79	18	9	8	3	1	222

Sumber: SPR (2018)

Transisi BN ke PH yang aman

Walaupun data menunjukkan corak pengundian berdasarkan kaum masih aktif dalam PRU-14 namun, peralihan kuasa daripada BN yang diketuai oleh parti utama Melayu iaitu UMNO kepada PH yang menyaksikan jumlah ahli parlimen bukan Melayu dan bukan Islamnya lebih ramai, berjaya dilakukan dengan aman dan lancar. Jumlah hampir 70 peratus kaum Melayu yang menyokong BN yang ditunjangi UMNO dan PAS dalam PRU-14 dilihat tenang menerima keputusan PRU-14 tersebut yang bakal menyaksikan suara 70% Melayu Islam ini tidak ada dalam kerajaan yang memerintah. Walaupun begitu mereka tidak bertindak dengan agresif bagi menghalang peralihan kuasa tersebut, seperti mana yang digembar-gemburkan sebelum ini. Pada malam keputusan PRU-14 diumumkan rakyat bebas bergerak tenang berhimpun di kedai-kedai mamak bagi menyaksikan keputusan secara langsung yang diumumkan melalui televisyen dan media sosial. Sedikit pun tidak kelihatan kegusaran dalam kalangan rakyat yang mungkin bimbang akan adanya tindak balas agresif dari pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan PRU-14 khususnya dari kaum Melayu.

Dalam hari-hari dan minggu-minggu seterusnya selepas PRU-14 keadaan di Malaysia kekal tenang dan tidak adanya perhimpunan atau rusuhan bagi mana-mana khususnya orang Melayu bagi memprotes keputusan PRU-14 yang mana parti utama Melayu telah kehilangan kuasa. Situasi ini jelas menyanggah ramalan-ramalan dan andaian-andaian sebelum ini yang menyatakan rusuhan mungkin akan berlaku sekiranya UMNO parti yang memperjuangkan nasib Melayu tewas dalam pilihan raya. Lebih menarik lagi DAP sebuah parti yang sering dilabel sebagai parti anti kepada kaum Melayu telah menjadi sebahagian daripada kerajaan pusat pada waktu itu. JA Besar (2019) mengatakan setelah PH berjaya mengambil alih Kerajaan Pusat dibimbangi akan berlaku huru-hara kerana 63 tahun lamanya BN sudah menjadi Kerajaan Persekutuan dibimbangi penyokong BN terutamanya UMNO tidak dapat menerima hakikat kekalahan di luar jangkaan tersebut. Namun ianya tidak memperlihatkan penentangan yang agresif dengan melakukan rusuhan atau sebagainya.

Tun Dr Mahathir yang diangkat menjadi Perdana Menteri Malaysia ke-8 berjaya membentuk barisan kabinetnya dan dapat menjalankan pemerintahan selama 22 bulan sebelum digulingkan dengan penarikan diri BERSATU dari PH pada 24 Februari 2020. Tun Dr Mahathir dalam laporan Bernama pada 5 Disember 2019 mengatakan proses peralihan kuasa yang berlaku dengan aman tanpa rusuhan membuktikan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang diamalkan oleh negara selama ini berjaya. Peralihan kuasa yang aman ini juga mendapat pujian daripada Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia, Vanu Gopala Menon (2018). Dalam pada itu, para penganalisis politik menganggap perubahan kuasa ini menunjukkan kematangan rakyat dalam berpolitik dan amalan sistem demokrasi di Malaysia (Moniruzzaman & Farzana, 2018; Muhammad Nadzri, 2018).

Hishamuddin Rais (2013) pernah melahirkan rasa ketidakyakinannya untuk menukar kerajaan melalui sistem pilihan raya di Malaysia. Dalam hujahnya beliau mengatakan secara sindiran iaitu jika pilihan raya di Malaysia mampu mengubah kerajaan sudah pasti pilihan raya itu akan diharamkan. Kenyataan

ini bermaksud pihak yang memerintah iaitu BN pada waktu itu sudah pastinya akan memanipulasikan sistem pilihan raya agar BN terus kekal berkuasa. Bagi beliau lagi hanya melalui protes dan tunjuk perasaan di jalan raya sahaja mampu untuk mengubah kerajaan yang memerintah. Hujah beliau ini adalah berdasarkan kepada keputusan PRU-13 yang menyaksikan Pakatan Rakyat pada waktu itu kalah tipis kepada BN. Namun hujah Hashamuddin Rais ini telah dinafikan dalam PRU-14. Banyak penganalisis mengatakan rakyat Malaysia telah menunjukkan kematangan mereka dengan sanggup menolak isu-isu kaum dan agama yang sering membelenggu politik Malaysia.

Isu – isu semasa seperti rasuah, kos sara hidup dan pemerintahan yang baik lebih diberi keutamaan dalam PRU-14. Kua (2019) menjelaskan bahawa kekalahan BN dalam PRU-14, 2018 belum pernah terjadi sebelumnya dalam sejarah politik pilihan raya di Malaysia. Anjakan memperlihatkan kejatuhan rejim BN menunjukkan berlakunya testimoni atau kesaksian bahawa keazaman rakyat Malaysia dan kegigihan masyarakat sivil dalam dekad yang amat lama selama 63 tahun untuk menamatkan penguasaan BN dalam politik pilihan raya di negara ini. Ahmad Lutfi (2019) menjelaskan bahawa tanggal 9 Mei 2018, Rabu diingati oleh seluruh rakyat Malaysia sebagai detik paling bersejarah. Rejim korup yang berkuasa selama enam dasawarsa sejak negara merdeka berjaya ditumbangkan dalam PRU14.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, rakyat Malaysia walaupun berbeza pandangan dan ideologi politik tidak memilih cara kekerasan dan keganasan dalam menyatakan pandangan dan menegakkan ideologi mereka. Saluran pilihan raya digunakan sebaiknya bagi menyatakan sokongan dan bantahan mereka. Isu perkauman dan agama dilihat mampu diketepikan seketika dalam PRU-14 dan pihak yang menang tidak menghinakan yang kalah dan kemenangan pihak lawan dihormati. Namun isu kaum dan agama yang dilihat mampu diketepikan pada PRU-14 kembali semula ke landasan utama selepas itu. Mohd Azizuddin (2018) menjelaskan bahawa sebaik sahaja Malaysia masuk ke dalam politik liberal demokrasi, terutamanya dalam dekad ini, Malaysia kembali mengamalkan politik lama daripada konsosiasionalisme yang termotivasi oleh isu kaum dan agama. Adalah diharapkan pengalaman PRU-14 dapat terus mengekalkan kematangan dan kesedaran politik rakyat Malaysia agar demokrasi di Malaysia terus subur dan berkembang.

Rujukan

- Ahmad Lutfi Othman. (2019). *Revolusi tanpa darah: Keberanian rakyat Malaysia tumbangkan rejim kleptokrat UMNO-BN dalam PRU14*. Ampang: Penerbit Ahmad Lutfi Othman.
- Bernama. (5 Dis 2019). Proses peralihan kuasa aman, buki amalan demokrasi Malaysia berjaya. Dicapai pada 8 Januari 2021 daripada <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=1796422>
- “Barisan Nasional coalition set to win another term”, (9 April 2008). Dicapai pada 15 April 2021 daripada <http://country.eiu.com/article.aspx?articleid=386598022&Country=Malaysia&topic=Politics>
- Dashboard PRU-14 <http://pru14.spr.gov.my/#!/home> [12 Ogos 2018].
- Free Malaysia Today. (14 Julai 2018). Report: 95% Chinese but less than 30% Malays voted for PH. Dicapai pada 20 Mac 2021 daripada <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2018/06/14/report-95-chinesebut-less-than-30-malays-voted-for-ph/>.
- JA Besar. (2019) Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 220-232.
- Hishamuddin Rais. (2013). Kenapa perlu ke jalan raya. Dicapai pada 18 Mei 2021 daripada <https://www.malaysiakini.com/columns/233523>
- Kua Kia Soong. (2019). *Days of Hope: Real Reform for 'New' Malaysia*. Petaling Jaya: SUARAM.

- Lee Kuok Tiung, Rizal Zamani Idris & Rafiq Idris, (2018). Propaganda dan disinformasi: politik persepsi dalam pilihan raya umum ke-14 (pru-14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas PRU14* (Special Issue GE14). UMS.
- Malaysiakini. (7 Feb 2021). 'Dr Mahathir hanya kebetulan di tempat dan pada masa tepat'. Dicapai pada 15 Julai 2020 daripada <https://www.malaysiakini.com/news/534457>.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Nidzam Sulaiman, (2018). Mitos dan Realiti Dalam Situasi Hubungan Sosial di Awal Era Transisi Malaysia Baharu: Satu Perbahasan. (Buku Prosiding International Colloquium on Integration Platform: Binding Differences and Diversity: Akal Budi Alam Melayu (ICIP2018)). Institut Kajian Etnik UKM.
- Muhammad Ariff Asyrul Adnan & Sity Daud, (2018). Manifesto Barisan Nasional dan kejatuhan Najibnomics dalam Pilihan Raya Umum ke-14. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2), 343-366
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Muhamad Nadzri Mohamed Noor, (2018). Revolusi Senyap 9 Mei 2018. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 45(2) 161-185.
- Mohd Sohaimi Esa, Mohd Azri Ibrahim, Abang Mohd. Razif Abang Muis & Romzi Ationg, (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 43 - 53.
- Moniruzzaman, M.D. & Farzana, K.F. (2018). Malaysia' 14th general election: End of an epoch, and beginning of a new? *Intellectual Discourse*, 26, 1.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani. (2018, August). The emergence of new politics in Malaysia revisited. The Eleventh International Malaysian Studies Conference (MSC11). Langkawi, Kedah.
- Sarawakvoice.com. (11 Nov 2020). Peralihan kuasa secara aman satu penghormatan kepada rakyat dan pemimpin Malaysia – Menon. Dicapai pada 5 Januari 2021 daripada <https://sarawakvoice.com/2018/08/18/peralihan-kuasa-secara-aman-satu-penghormatan-kepada-rakyat-dan-pemimpin-malaysia-menon/>
- Zurairi AR, GE14 results: How it went so wrong for pundits, 2018